



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

21 JANUARI 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 JANUARI 2022 (JUMAAT)

Pinjaman mudah untuk pengusaha ayam telur

Inisiatif kerajaan pastikan bekalan bahan makanan sentiasa cukup

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan bertujuan memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha dan peternak ayam telur dalam usaha memastikan bekalan telur sentiasa terjamin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata keputusan itu dicapai melalui persetujuan bersama membabitkan pelbagai pihak dalam sesi libat urus diadakan minggu lalu.

Bagaimanapun, katanya, jenis

dan jumlah pengagihan pinjaman lunak itu akan dimuktamadkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kewangan, bergantung kepada saiz pengoperasian pengusaha dan penternak ayam telur berkenaan.

"Pinjaman lunak ditawarkan bagi membantu pengusaha menampung pertambahan kos operasi di ladang diusahakan mereka susulan faktor penularan pandemik COVID-19.

"Kerajaan akui (kekurangan bekalan telur ayam) dan mereka (pengusaha) mengadu kepada kita mereka (mengalami) kerugian sehingga tiga sen setiap telur, mengikut gred," katanya ketika dijumpai selepas merasmikan sebuah kedai perkakasan rumah, di sini semalam.



Rosol Wahid

Iasnin lalu, BH melaporkan kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syar bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu turut meningkat kebelakanan ini.

Cadangan dikemukakan Persekutuan-Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) adalah penamatian serta-merta Skim Harga Maksum Keluarga Malaysia (SHMKM), penyediaan lebih ramai pekerja asing ke sektor itu serta pemberian subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam telur.

Dalam pada itu, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kerajaan sedang mencari mekanisme baharu yang mengetengahkan pendekatan menang-menang bagi

semua pihak.

"Mekanisme baharu ini bagi mengatasi isu bekalan telur ayam supaya peniaga tidak mengalami kerugian, selain pengguna tidak dibebani dengan lonjakan harga."

"Maknanya, mungkin (harga) dihalalkan sedikit untuk (membantu) penternak tetapi pada masa sama pengguna tidak terlalu terasa (dengan kadar kenaikan berkenaan)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rosol berkata, pihaknya akan terus menjalankan kerjasama erat dengan pihak berkaitan, terutamanya MAFI bagi membantu memastikan harga barang lain di pasaran dapat disertifikatkan.

Beliau berkata, isu kenaikan harga barang sentiasa dalam radar pemantauan KPDNHEP yang kini sedang memperhalusi kaedah berkesan bagi membedungnya, terutama apabila sambutan Tahun Baharu Cina dan Aidilfitri semakin hampir.

Cari kaedah atasi isu bekalan telur ayam

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mencari kaedah baharu dan sesuai untuk mengimbangi situasi menang-menang di antara pengguna serta penternak susulan isu bekalan telur ayam.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, ia bertujuan memastikan penternak tidak mengalami kerugian selain pengguna tidak terbeban dengan peningkatan harga telur ayam ketika ini.

"Kita akui mereka (penternak) ada mengadu tentang perkara ini. Setiap telur, penternak dikatakan rugi hampir tiga sen, berdasarkan 'gred telur'.

"Jadi, kita cuba fikir satu mekanisme untuk tidak mahu peniaga rugi dan pengguna tidak tertekan.

"Mungkin kita boleh naikkan (harga) sedikit untuk peniaga dan pengguna juga tidak terlalu terasa dengan kos kenaikan



ROSOL

harga telur ayam ini," katanya selepas merasmikan pembukaan kedai barang elektrik, elektronik dan perabot Nojima di sini pada Khamis.

Sebelum ini, kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syor bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu meningkat.

Cadangan dikemukakan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) itu antaranya penamatan serta-merta Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), penyediaan lebih ramai pekerja asing ke sektor itu serta subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam penelur.

KPDNHEP juga akan terus menjalin kerjasama erat dengan beberapa agensi khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan harga barang lain seperti ikan dapat distabilkan semula.

Pemborong letak syarat: Peniaga

Peniaga di Kuala Nerus, Terengganu mengeluh terpaksa tanggung kerugian akibat bekalan minyak masak bersubsidi berkurangan

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA NERUS

Berberapa peniaga di sini mendakwa dikenakan syarat oleh pemborong supaya membeli barang lain sekiranya mahu mendapatkan sekotak minyak masak bersubsidi untuk dijual di premis mereka.

Peniaga, Suriani Ibrahim, 43 berkata, situasi berkenaan berlaku susulan bekalan minyak masak bersubsidi yang kian kritikal sejak kebelakangan ini.

"Sebagai peniaga runcit, kami tertekan kerana berdepan dengan beberapa syarat antaranya wajib melakukan urus niaga lebih RM200 seperti membeli barang lain bagi mendapatkan minyak masak.

"Ada juga pemborong yang menetapkan pembelian dua kotak gula yang setiap

satunya berharga antara RM33 hingga RM34 semata-mata untuk mendapatkan sekotak minyak masak," katanya ketika ditemui di Kampung Padang Air di sini, pada Khamis.

Menurut Suriani, sekiranya syarat itu tidak dipatuhi dia hanya boleh mendapatkan dua peket minyak masak yang tidak mencukupi untuk dijual kepada pelanggan.

"Sudah banyak hari bekalan minyak masak di premis saya terputus kerana saya tak mampu untuk dapatkan bekalan minyak masak kerana perbelanjaan saya meningkat," katanya yang menjalankan perniagaan kedai runcit sejak lima tahun lalu.

Seorang lagi peniaga, Hamid @ Awang Rani, 72, mengakui terpaksa pergi ke pelbagai tempat semata-mata mahu mendapatkan bekalan minyak masak.

Hamid berkata, premisnya juga sudah agak lama terputus bekalan minyak masak bersubsidi.

"Saya cari minyak masak itu sehingga ke kilang pengeluar di Gong Badak, malangnya mereka mengakui tiada bekalan barang.

"Walaupun jualan minyak masak subsidi tiada untung besar, saya simpati dengan golongan berpendapatan rendah atau peniaga yang sering menggunakan bahan itu untuk memasak," katanya.



SURIANI



HAMID



PROGRAM FRANCAIS MIKRO DAN MAMPU MILIK

Sudah terima 140 permohonan

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Sehang Jaya

Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) mendapat sambutan di luar jangkaan apabila sebanyak 140 permohonan diterima sejak dilancarkan pada Julai tahun lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan-Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, daripada jumlah permohonan itu, 37 permohonan sudah diterima ke peringkat seterusnya.

"Pada Disember lalu, kami menyerahkan Geran Padanan kepada 29 penerima untuk bakal francais F3M dan lapan penerima Geran Penuh untuk francaisor.

"Antara penerima geran ini adalah Oldtown White Coffee iaitu sebanyak RM50,000.

"Saya berbangga dengan pencapaian syarikat ini yang berjaya menyiapkan prototaip outlet francais mampu milik iaitu Oldtown Express dengan jumlah kos permulaan RM100,000.

"Malah, saya dimaklumkan bahawa bakal francaisor mampu meraih keuntungan sebanyak 16 peratus untuk setiap outlet ini," katanya selepas melancarkan

prototaip pakej F3M di Oldtown White Coffee di One City di sini, semalam.

Turut hadir Pengurus Persatuan Francais Malaysia (MFA) Datuk Dr Radzali Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif Oldtown White Coffee Dawn Liew.

Hasnol berkata, terdapat tiga lagi francaisor sedang dalam peringkat terakhir penyediaan konsep F3M.

"Saya berharap lebih ramai francaisor dapat menyediakan pakej francais F3M yang mampu memberi peluang untuk bermula kepada lebih ramai anggota masyarakat terutama golongan B40 dan M40.

"Saya berbarap jumlah francaisi F3M akan bertambah sehingga 3,000 francais

si pada 2025 dan saya percaya *the multiplier effect* kesan daripada F3M dapat menaikkan ekonomi Malaysia ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, Dr Radzali berkata, pihaknya berharap pelancaran prototaip pakej mampu milik Oldtown Express akan menjadi titik permulaan untuk membantu lebih ramai golongan B40 dan M40 mencebur ke bidang keusahawanan francais.

"Saya percaya pelancaran prototaip pakej mampu milik ini dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan industri francais serta dapat dicontoh oleh penggiat industri lain," katanya.

668 kesalahan dikesan KPDNHEP Terengganu tahun lalu



PENGUAT kuasa KPDNHEP Terengganu membuat pemeriksaan di premis perniagaan. - IHSAN KPDNHEP TERENGGANU

KUALA TERENGGANU — Sebanyak 668 kes berkaitan kesalahan aktiviti kepenggunaan dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Terengganu tahun lalu.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, kesemua tindakan penguatkuasaan itu melibatkan keseluruhan rampasan bernilai RM1.27 juta.

Beliau berkata, KPDNHEP negeri yang melakukan 51,160 pemeriksaan telah mengelu-

kan kompaun berjumlah keseluruhan RM189,750 sepanjang tahun lalu.

"Antara kesalahan tertinggi ialah pelanggaran Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan 286 kes dan Akta Timbang dan Sukat 1972 (215 kes).

"Selain itu, kegagalan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) norma baharu pula merekodkan 116 kesalahan," katanya di sini semalam.

Saharuddin berkata, pasukan penguat kuasa KPDNHEP sentiasa proaktif melakukan operasi

berkala bagi memantau dan memeriksa harga barang di seluruh Terengganu.

Tambah beliau, pihaknya juga melakukan operasi mengejut sekiranya menerima aduan awam berhubung isu kepenggunaan khususnya berhubung kenaikan harga dan ketidapa-

bekalan di pasaran.

"Orang ramai digalakkan menyalurkan aduan dan maklumat berhubung isu kepenggunaan melalui platform disediakan seperti portal, e-mel, aplikasi WhatsApp, Facebook dan Twitter," katanya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT
TARIKH : 21/1/2022
M/SURAT : 16



• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM8.89
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM16.99	• Bawang Besar Holland	RM1.80	• Kubis Tempatan	RM4.50
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

21 JANUARI 2022 (JUMAAT)

MyCC pantau sistem bayaran RFID di plaza tol

**Suruhanjaya
sudah bertemu
PLUS, TNG dapat
pemahaman
lebih lanjut**

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan (MyCC) kini memantau perkembangan pelaksanaan sistem bayaran tol RFID oleh PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan Touch 'n Go (TNG) secara konsisten, selaras peranannya memperjuang dan mempromosi persaingan bagi kepentingan rakyat Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata

pihaknya sudah mengadakan perjumpaan dengan PLUS dan TNG pada Isnin lalu bagi mendapatkan pemahaman lebih lanjut dan perkembangan terkini berhubung pelaksanaan RFID di sepanjang Lebuhraya PLUS.

Berikutnya ada peningkatan aduan pengguna mengenai isu berkaitan pelaksanaan RFID di seluruh Lebuhraya PLUS, MyCC turut berkongsi penilaian dan kebimbangannya dalam mesyuarat yang sama termasuk memberikan akses kepada platform pembayaran lain bagi pembayaran tol, bukan sahaja melalui kad debit atau kad kredit tetapi juga sistem e-wallet yang lain.

"Dengan mengambil kira tanggungjawab khas yang ada pada kedua-dua perusahaan dominan ini dalam pasaran relevan, MyCC akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa dan apabila sebarang isu persaingan dikenal pasti, Akta Persaingan 2010



Kakitangan PLUS memantau pergerakan kenderaan yang menggunakan RFID di Plaza Tol Jalan Duta.

(Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

akan dikuatkuasakan.

"Seterusnya, adalah penting untuk diingatkan bahawa pasaran berkaitan inovasi boleh mewujudkan ketidakpastian. Justeru, MyCC akan bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk memastikan perubahan ini sentiasa memberi manfaat terbaik kepada semua pengguna," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, segelintir pengguna jalan raya mengutarakan kekecewaan selepas terperangkap dalam kesesakan di lorong

tol, dipercayai berikutan kegalan sistem RFID bermula 15 Januari lalu.

Keadaan menjadi lebih parah apabila pengguna jalan raya yang gagal melakukan pembayaran menerusi RFID terpaksa mengambil keputusan beralih ke lorong TNG, namun mendapati baki dalam kad tidak mencukupi.

Hal itu kerana pertukaran penggunaan sistem bayaran daripada RFID kepada kad TNG menyebabkan pengguna lebuhraya akan dikenakan

caj maksimum.

Iskandar berkata, MYCC mengambil maklum mengenai rancangan untuk memastikan peralihan lancar kepada RFID bagi pengguna lebuhraya dan kerjasama antara PLUS dan Touch 'n Go dalam sistem kutipan tol.

"Walaupun inovasi seperti pengenalan RFID dalam sistem kutipan tol dialu-alukan, MyCC percaya pelaksanaan sistem itu perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mencapai objektifnya," katanya.

RFID: MyCC jumpa PLUS

Berkongsi kebimbangan terhadap peningkatan aduan pengguna terhadap kaedah pelaksanaan

Oleh Hafidzul Hilmie
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelaksanaan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) di Lebuhraya PLUS akan dipantau Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) selaras dengan peranannya dalam memperjuangkan dan mempromosikan persaingan bagi kepentingan semua rakyat Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Iskandar Ismail berkata, pihaknya sudah mengadakan perjumpaan bersama PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan Touch 'n Go Sdn

Bhd (Touch 'n Go) berhubung pelaksanaan RFID.

"Perjumpaan itu untuk mendapatkan pemahaman lebih lanjut serta perkembangan terkini berhubung pelaksanaan RFID.

"Walaupun inovasi seperti pengenalan RFID dalam sistem kutipan tol ini dilakukan, MyCC percaya sistem itu perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mencapai objektifnya.

"MyCC mengambil maklum mengenai rancangan bagi memastikan peralihan lancar kepada RFID untuk pengguna lebuhraya dan kerjasama antara PLUS dan Touch 'n Go dalam sistem kutipan tol," katanya dalam kenyataan, semalam.

Iskandar berkata, dalam mesyuarat itu, MyCC turut berkongsi penilaian dan kebimbangannya memandangkan terdapat peningkatan aduan pengguna mengenai isu berkaitan pelaksanaan RFID di seluruh Lebuhraya PLUS.

Menurutnya, ia termasuk memberikan akses kepada platform pembayaran lain untuk pembayaran tol bukan sahaja melalui kad debit atau kad kredit, tetapi sistem e-wallet lain.

"Dengan mengambil kira tanggungjawab khas pada kedua-dua perusahaan dominan ini dalam pasaran relevan, MyCC akan terus memantau keadaan.

"Sekiranya sebarang isu



MYCC percaya RFID perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mencapai objektif untuk kepentingan semua rakyat Malaysia.

persaingan dikenal pasti, inovasi boleh mewujudkan perubahan ini sentiasa memberi manfaat terbaik kepada semua pengguna," katanya.

inovasi boleh mewujudkan perubahan ini sentiasa memberi manfaat terbaik kepada semua pengguna," katanya.

"MyCC akan bekerjasama rapat dengan kerajaan da-

MyCC pantau Plus dan Touch 'n Go

SHAH ALAM - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan memantau perkembangan pelaksanaan sistem teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) selaras peranannya memperjuang dan mempromosikan persaingan bagi kepentingan semua rakyat Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, satu perjumpaan telah diadakan bersama PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan Touch 'n Go Sdn Bhd (Touch 'n Go) berhubung pelaksanaan RFID di sepanjang Lebuhraya PLUS.

"Perjumpaan tersebut merupakan satu inisiatif yang diambil oleh MyCC untuk mendapatkan pemahaman yang lebih lanjut berkenaan pelaksanaan tersebut serta perkembangan terkini berhubung pelaksanaan RFID.

"Walaupun inovasi seperti pengenalan RFID dalam sistem kutipan tol dialu-alukan, MyCC percaya pelaksanaan sistem itu perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mencapai objektifnya.

"MyCC mengambil maklum



ISKANDAR ISMAIL

mengenai rancangan bagi memastikan peralihan lancar kepada RFID untuk pengguna lebuhraya dan kerjasama antara PLUS dan Touch 'n Go dalam sistem kutipan tol," menurutnya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Iskandar berkata, memandangkan ada peningkatan aduan pengguna mengenai isu pelaksanaan RFID di seluruh Lebuhraya PLUS, MyCC turut berkongsi penilaian dan kebimbangan dalam mesyuarat yang sama.

Dimaklumkan, ia mengenai pelaksanaan tersebut termasuk memberikan akses kepada platform pembayaran lain untuk pembayaran tol bukan sahaja melalui kad debit atau kad kredit tetapi juga sistem e-wallet yang lain.

"Dengan mengambil kira tanggungjawab khas kedua-dua perusahaan dominan dalam pasaran relevan, MyCC terus memantau keadaan dari semasa ke semasa.

"Apabila sebarang isu persaingan dikenal pasti, Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan serta diingatkan pasaran inovasi boleh mewujudkan ketidakpastian," jelasnya.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 21/1/2022
M/SURAT : 8

MyCC: PLUS should allow other forms of toll payments

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) yesterday said PLUS Malaysia (PLUS) should allow other forms of toll payments for highway users amid complaints on the implementation of the radio-frequency identification (RFID) system. MyCC said it had shared its assessment and concerns with PLUS and Touch 'n Go (TnG) on Jan 17. "This includes enabling access to other payment platforms for the payment of tolls not only via debit or credit cards but also other e-wallet systems," it said. MyCC said it took cognisance of plans to ensure a seamless transition to RFID for highway users and the cooperation between PLUS and TnG in the toll collection system.